

**KERTAS
PERCUBAAN
BAHASA MELAYU
SPM**

**NEGERI
TERENGGANU
(2017)**

NAMA: _____

SEKOLAH: _____

Disediakan oleh Cikgu Tan CL

cikgutanc1@gmail.com


+60122099440

www.cikgutanc1.blogspot.com

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sebuah pusat sumber sekolah yang baik. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**



Bahagian B
[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kempen gaya hidup sihat telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang mementingkan kesihatan dan kesejahteraan hidup.

Bincangkan amalan-amalan yang wajar dilakukan oleh anda untuk memastikan kesihatan diri sentiasa terjaga.

2. Sesebuah keluarga yang erat hubungannya akan sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain seperti aur dengan tebing.

Huraikan kebaikan yang diperoleh ahli keluarga apabila menjayakan sesuatu majlis keluarga seperti majlis perkahwinan, sambutan perayaan, hari keluarga dan sebagainya.

3. Isu keselamatan anak-anak sering kali diuar-uarkan di media massa. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan tentang Keselamatan Kanak-kanak Tanggungjawab Bersama.

Tulis rencana itu selengkapnya.

4. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang begitu pesat menyebabkan kita berasakan dunia ini semakin kecil.

Huraikan manfaat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada masyarakat dunia.

5. Sesebuah karya sastera seharusnya mengandungi banyak keistimewaan agar boleh menarik minat pembaca.

Ulaskan pernyataan tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang **manfaat-manfaat ekonomi digital dan kekangan-kekangannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebelakangan ini, kerajaan amat menekankan satu lagi cabang ekonomi yang sedang pesat merangsang pertumbuhan ekonomi seluruh dunia yang dikenali sebagai ekonomi digital. Ekonomi bentuk baharu ini yang diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri disifatkan sebagai enjin pertumbuhan baharu ekonomi Malaysia. Pada hari ini, kebanyakan usahawan telah beralih menjalankan perniagaan daripada berbentuk konvensional dengan menjual produk-produk mereka di premis-premis perniagaan kepada premis perniagaan alam maya. Premis perniagaan alam maya sama ada melalui laman sesawang, blog mahupun laman sosial yang lain telah menjadi trend baharu perniagaan yang dapat menjanjakan pendapatan tambahan kepada mana-mana pihak termasuklah suri rumah.

Ledakan teknologi Internet sejak pertengahan tahun 1990-an telah mengubah tingkah laku manusia termasuklah dalam urusan jual beli. Melalui pendekatan ekonomi digital, urusan jual beli bukan sahaja menjadi amat mudah malah turut dapat menjimatkan masa para pembeli. Hal ini dikatakan demikian kerana sesiapa sahaja boleh berurusan jual beli tanpa perlu pergi ke premis-premis perniagaan untuk membeli produk yang dikehendaki. Pengenalan konsep e-dagang turut memudahkan urusan perniagaan pada skala yang lebih besar, iaitu melibatkan import dan eksport barang dan produk di seluruh dunia. Oleh sebab kerajaan menyedari kepentingan ekonomi digital ini, kerajaan telah melancarkan inisiatif ekonomi digital melalui Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pada 22 Mac 2017.

Kombinasi antara alam maya dengan alam nyata mampu mencetuskan ledakan ekonomi yang akhirnya memberikan keuntungan besar kepada negara dan rakyat Malaysia. Kecekapan perniagaan mampu ditingkatkan lagi, dan pada masa yang sama para pengguna atau pembeli akan menikmati manfaatnya melalui pembelian barang dari mana-mana negara di dunia tanpa perlu berada di negara tersebut. Oleh itu, pendekatan baharu seperti ekonomi digital menyerahkan lagi gaya baharu dalam kehidupan generasi muda pada masa ini yang lebih cenderung untuk menjalankan sebarang urusan termasuklah jual beli secara maya. Melalui ekonomi digital juga, dijangkakan sebanyak 60 000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan buat rakyat Malaysia yang melibatkan pertumbuhan eksport barang sebanyak RM112 bilion menjelang tahun 2025.

Sebelum ini, pelbagai masalah telah menyebabkan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sukar memasuki gerbang perniagaan global. Antara masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha PKS ialah masalah pemasaran, produktiviti dan teknologi yang rendah, kekurangan modal dan pembiayaan, serta masalah lokasi. Hal ini menjadikan hanya 37 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara disumbangkan oleh PKS. Namun begitu, dengan adanya konsep ekonomi digital, KDNK Malaysia melalui PKS pada masa hadapan boleh ditingkatkan kepada 80 peratus. Hal ini berlaku demikian kerana PKS juga boleh memasuki pintu gerbang perniagaan global sehingga dapat merancakkan lagi sektor berkenaan. Keadaan ini seterusnya telah membuktikan bahawa ekonomi digital berjaya menjadi pemangkin perniagaan bagi usahawan luar bandar. Kemajuan dalam industri PKS sedikit sebanyak dapat *menangani migrasi* penduduk luar bandar ke bandar apabila mereka turut mampu menjalankan perniagaan di desa dan kampung tanpa perlu berhijrah ke bandar-bandar besar.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ekonomi Digital Pacu Ekonomi Masa Hadapan'
oleh Rohami Shafie
Dewan Masyarakat, Bil.7 2017

Soalan 2 : Pemahaman*[35 markah]***Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menangani migrasi*.

[2 markah]

- (ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Nyatakan masalah-masalah tersebut.

[3 markah]

- (iii) Golongan remaja merupakan golongan yang paling ramai melakukan pembelian atas talian.

Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum anda membuat keputusan untuk membeli sesuatu barang melalui kemudahan ini?

[4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PAK HAJI : Mengapa tak jawab salam Pak Haji, Azmir? Atau kau tak dengar?
 AZMIR : Saya dengar.
 PAK HAJI : Habis, mengapa tak jawab?
 AZMIR : Itu hak saya. Saya akan jawab kalau saya suka seseorang. Pak Haji saya tak suka, sebab tu saya tak jawab.
 PAK HAJI : Tak baik tak jawab salam.
 AZMIR : Itu pendapat Pak Haji.
 PAK HAJI : Bukan, itu bukan pendapat Pak Haji. Itu hukum agama kita.
 AZMIR : Hukum. (sinis) Hukum pada hari ini hanya wujud pada nama sahaja. Orang sering *melanggar hukum*. Hukum kata ada kasih sayang. Pemimpin kata kita mesti selalu prihatin. Tapi apabila orang-orang seperti saya sakit, ada orang seperti Pak Haji ambil tahu? Berapa banyak lagi orang seperti saya ni yang berkeliaran di luar sana. Ada orang-orang seperti Pak Haji ni ambil berat?
 PAK HAJI : (Cuba menukar topik). Mir, Pak Haji rasa, daripada cara kau bercakap tu, kau nampaknya sudah beransur sihat. Cuma satu saja Pak Haji nak tanya kau. Betul ke Pak Haji dengar kau dah tukar nama?
 AZMIR : Memang betul. Mana Pak Haji tahu?
 PAK HAJI : Ada orang cakap-cakap. Err...apa namanya tu?

Dipetik daripada drama ‘Bukan Gila’
 oleh Shariff Shaary
 dalam antologi *Sejadah Rindu*,
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melanggar hukum*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman anda, kemukakan cara-cara yang akan anda lakukan untuk membantu rakan yang sakit ketika berada di sekolah?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Azmir yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku. 'Jangan tiada dikasih anakku ini,' kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun *terlalu sukacita hatinya*, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, "Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *terlalu sukacita hatinya*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan reaksi Patih Gajah Mada selepas mendengar kata-kata Kertala Sari. [3 markah]
- (iii) Patih Gajah Mada telah menyampaikan pesanan ayah Kertala Sari kepada Kertala Sari.

Pada pendapat anda, mengapakah Patih Gajah Mada ingin menyempurnakan pesanan tersebut. [3 markah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Gelanggang

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejap sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmannan
demik mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercenna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini

Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **rangkap akhir** sajak tersebut, mengapa generasi muda perlu memikul amanah untuk mempertahankan negara?

[2 markah]

- (ii) Kemerdekaan negara kita mesti dipertahankan agar keamanan ini dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mempertahankan kemerdekaan negara?

[3 markah]

- (iii) Selain persoalan tanggungjawab mempertahankan negara, jelaskan **dua** persoalan lain yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]***Jawab semua soalan.*

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah atau membuang imbuhan atau menggunakan perkataan-perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) gemerlap
- (ii) gemilang
- (iii) gemuruh
- (iv) gelisah
- (v) gelojoh
- (vi) gersang

[6 markah]

(b) Cerakinkan ayat-ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.

- (i) Semangat kejiranan amat penting kerana dapat memupuk perpaduan.
- (ii) Walaupun Amar hidup dalam kemiskinan tetapi dia sentiasa berpakaian kemas ke sekolah.
- (iii) Sewaktu hari perayaan, rumah terbuka boleh diadakan dan semua kaum boleh mengunjungi jiran mereka.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Menurut pakar-pakar perubatan, amalan menderma darah secara tekal dapat menangani ancaman cancer dan dikurangkan risiko serangan sakit jantung.
- (ii) Tiga orang guru SMK Pulau Damai dipilih menjadi urusetia untuk Pertandingan Perbahasan Peringkat Negeri Terengganu yang akan melangsungkan pada bulan depan.
- (iii) Jawatankuasa mesjid tersebut telah menghadkan pemberian bubur lambuk sebanyak dua bungkus bagi setiap satu keluarga pada bulan Ramadan yang lepas.

[6 markah]

(d) Dalam ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Telah termaklum dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan menjadi bahasa pertuturan dalam semua urusan-urusan rasmi.
- (ii) Sejak awal tahun, pekerja-pekerja syarikat itu tidak dibayar gaji kerja lebih masa walaupun syarikat mengalami masalah kewangan.
- (iii) Dalam temasya sukan di peringkat antarabangsa, bila atlet negara berjaya menggondol pingat emas, lagu Negaraku akan berdendang.

[6 markah]

(e) Bina satu ayat berdasarkan peribahasa di bawah.

- (i) jinak-jinak merpati
- (ii) melepaskan anjing tersepit
- (iii) hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu binti Mohd Yusop

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua nilai kemasyarakatan** yang terdapat dalam novel tersebut.


[7 markah]

- (b) Terdapat pelbagai peristiwa menarik yang dipaparkan dalam sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji,uraikan **satu peristiwa paling menarik** yang terdapat dalam setiap novel tersebut dan kemudian jelaskan sebab anda berpendapat demikian.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<i>Cemerlang</i> 26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tugasan bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
<i>Kepujian</i> 20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tugasan bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
<i>Memuaskan</i> 15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menepati tugasan bahan rangsangan. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. Idea masih relevan dengan tugasan bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
<i>Kurang</i> <i>Memuaskan</i> 10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan masih/ kurang menepati tugasan bahan rangsangan. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. Idea kurang relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan huraianya kurang jelas
<i>Pencapaian</i> <i>Minimum</i> 01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tugasan bahan rangsangan

Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran, dan lain-lain.

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B

PERINGKAT	BAHASA	IDEA	PENGOLAHAN
CEMERLANG 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis Ejaan dan Tanda Baca betul Laras Bahasa sesuai dgn tugasan Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dgn jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan Tanda Baca betul Laras Bahasa sesuai dengan tugasan Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap & terdapat kesinambungan idea yg jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan Tanda Baca masih betul Penggunaan kosa kata umum Laras Bahasa sesuai mengikut tugasan Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi Gaya Bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai	Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai
MEMUASKAN 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata terhad Ayat kurang gramatis Ejaan dan Tanda Baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan kosa kata umum dan terhad Laras Bahasa kurang sesuai Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi Gaya Bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih / kurang lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai	Pengolahan kurang menarik
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan kata kurang tepat Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Unsur bahasa tidak bervariasi Gaya Bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang 	Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik
	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai 	Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik

GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA**PERCUBAAN SPM 2017/BK3
BAHASA MELAYU****BAHAGIAN A**

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sebuah pusat sumber sekolah yang baik. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Diharapkan : calon dapat menghuraikan isi/idea tentang **ciri-ciri sebuah pusat sumber sekolah yang baik**.

Cadangan idea:

- Lokasi yang strategik dan suasana yang kondusif
- Mengadakan pelbagai kemudahan dan aktiviti
- Menghebahkan kemudahan dan perkhidmatan di pusat sumber

BAHAGIAN B

1. Kempen gaya hidup sihat telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang mementingkan kesihatan dan kesejahteraan hidup.

Bincangkan amalan-amalan yang wajar dilakukan oleh anda untuk memastikan kesihatan diri sentiasa terjaga.

Diharapkan: Calon dapat membincangkan amalan-amalan untuk memastikan kesihatan diri sentiasa terjaga.

Cadangan idea :

- Mengamalkan pemakanan seimbang/berkhasiat
- Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah
- Bersukan/ bersenam
- Tidur dan rehat yang cukup
- Jauhi tabiat buruk (merokok, mengambil dadah, alkohol)
- Menjaga kesihatan diri dan persekitaran
- Menjalani pemeriksaan kesihatan

(Terima mana-mana isi yang sesuai)

2. Sesebuah keluarga yang erat hubungannya akan sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain seperti aur dengan tebing.

Huraikan kebaikan yang diperoleh ahli keluarga apabila menjayakan sesuatu majlis keluarga seperti majlis perkahwinan, sambutan perayaan, hari keluarga dan sebagainya.

Diharapkan: Calon dapat menghuraikan kebaikan dalam kalangan ahli keluarga apabila menjayakan sesuatu majlis keluarga seperti majlis perkahwinan, sambutan perayaan, hari keluarga dan sebagainya.

Cadangan idea:

- Memupuk kerjasama dalam kalangan ahli keluarga
- Mengeratkan silaturahim dalam keluarga
- Berkongsi tenaga/ menjimatkan tenaga kerja
- Kerja-kerja dapat disiapkan dengan cepat/menjimatkan masa
- Boleh berkongsi pendapat/ idea
- Dapat berkongsi/ menjimatkan kos

3. Isu keselamatan anak-anak sering kali diuar-uarkan di media massa. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan tentang Keselamatan Kanak-kanak Tanggungjawab Bersama.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Diharapkan : Calon dapat menulis rencana Keselamatan Kanak - kanak Tanggungjawab Bersama.

Format : Rencana

- | | |
|-----------|------------|
| - Tajuk | - 1 markah |
| - Penulis | - 1 markah |

Jika tiada format : tolak 2 markah maksimum

Cadangan idea:

- Peranan ibu bapa
- Peranan masyarakat
- Peranan sekolah
- Peranan Media Massa
- Peranan NGO's / Swasta
- Peranan kerajaan

4. Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang begitu pesat menyebabkan kita berasakan dunia ini semakin kecil.

Huraikan manfaat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada masyarakat dunia.

Diharapkan : Calon dapat membincangkan keperluan masyarakat dunia memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi.

Cadangan idea:

- kerjasama/perkongsian maklumat/berita/peristiwa
- kerjasama / perkongsian kepakaran
- kerjasama / perkongsian ekonomi/perniagaan
- kerjasama / perkongsian mengawal keselamatan sempadan negara
- kerjasama / perkongsian sosio budaya
- Jalinan dan jaringan dalam bidang pendidikan
- Memudahkan masyarakat mengatur urusan / kehidupan sehari-hari

*** Jawapan murid mesti dikaitkan di peringkat antarabangsa/global

5. Sesebuah karya sastera seharusnya mengandungi banyak keistimewaan agar boleh menarik minat pembaca.

Ulaskan pernyataan tersebut.

Diharapkan: Calon dapat membuat ulasan tentang keistimewaan sesebuah karya sastera agar boleh menarik minat pembaca.

Cadangan idea:

- | | | |
|--|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • pengarang sesebuah karya sastera • judul • harga • fizikal karya sastera/ilustrasi • tema dan persoalan • plot • watak dan perwatakan • nilai dan pengajaran • gaya bahasa | <div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="flex-grow: 1; margin-right: 10px;"></div> <div style="border-left: 1px solid black; height: 100%; margin-right: 10px;"></div> <div style="flex-grow: 1; position: relative;"> <div style="position: absolute; bottom: -10px; left: 50%; width: 0; height: 0; border-left: 10px solid transparent; border-right: 10px solid transparent; border-top: 20px solid white;"></div> </div> </div> | <div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="flex-grow: 1; margin-right: 10px;"></div> <div style="border-left: 1px solid black; height: 100%; margin-right: 10px;"></div> <div style="flex-grow: 1; position: relative;"> <div style="position: absolute; bottom: -10px; left: 50%; width: 0; height: 0; border-left: 10px solid transparent; border-right: 10px solid transparent; border-top: 20px solid white;"></div> </div> </div> |
|--|---|---|

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

- (a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										2
	Jumlah Markah									20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah ekonomi digital kepada negara kita / Malaysia.	2
P2 Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah ekonomi digital dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).	2
P3 Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah ekonomi digital dankekangan-kekangannya.	2
P4 Petikan / Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah ekonomi digital.	1
P5 Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah ekonomi digital dankekangan-kekangannya.	1
P6 Petikan / Rumusan membincangkan manfaat-manfaat ekonomi digital.	0

Isi-isi tersurat (Manfaat-manfaat ekonomi digital) | 4 hingga 12 markah |

- S1 Enjin pertumbuhan baharu ekonomi Malaysia
- S2 Dapat menjana pendapatan tambahan kepada mana-mana pihak termasuklah suri rumah.
- S3 urusan jual beli bukan sahaja menjadi amat mudah
- S4 Dapat menjimatkan masa para pembeli
- S5 memudahkan urusan perniagaan pada skala yang lebih besar, iaitu melibatkan import dan eksport barang
- S6 Para pengguna atau pembeli akan menikmati manfaatnya melalui pembelian barang dari mana-mana negara di dunia tanpa perlu berada di negara tersebut
- S7 Ekonomi digital menyerlahkan lagi gaya baharu dalam kehidupan generasi muda pada masa ini
- S8 Dijangkakan sebanyak 60 000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan buat rakyat Malaysia
- S9 KDNK Malaysia melalui PKS pada masa hadapan boleh ditingkatkan kepada 80 peratus.
- S10 Ekonomi digital berjaya menjadi pemangkin perniagaan bagi usahawan luar bandar

Isi-isi tersirat (Kekangan-kekangannya) | 4 hingga 12 markah |

- T1 Masalah liputan / capaian Internet yang terhad
- T2 Terdedah kepada penipuan / barang yang dijual kurang berkualiti / penipuan bayaran
- T3 Masyarakat kurang yakin dengan pelaksanaan ekonomi digital
- T4 Persaingan antara peniaga alam maya / alam nyata
- T5 Kemahiran penggunaan Internet / ICT masih terbatas
- T6 Masalah untuk melakukan pembayaran atas talian

Kesimpulan [2 markah]

1. Kesimpulannya, kita hendaklah memanfaatkan ekonomi digital agar ekonomi negara berkembang seiring dengan negara maju. **[2 markah]**
2. Kesimpulannya, kita hendaklah memanfaatkan ekonomi digital. **[1 markah]**

[Lihat halaman sebelah

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- | | |
|--------------|------------|
| Soalan 2(a) | : 9 markah |
| Soalan 2(b) | : 9 markah |
| Soalan 2(c) | : 8 markah |
| Soalan 2 (d) | : 9 markah |

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
– Jawapan tidak tepat/salah	0

ii. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	3
– Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

iii. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevant dengan tugasan dan ayat gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap/relevant tetapi ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(a) : Petikan Umum**(i) Maksud rangkai kata *menangani migrasi***

- mengatasi penghijrahan / perpindahan / pergerakan
- mengatasi migrasi
- menangani penghijrahan / perpindahan / pergerakan

Markah
2
1
1

[Maksimum 2 markah]**(ii) Masalah-masalah**

- P1 masalah pemasaran
 P2 produktiviti dan teknologi yang rendah
 P3 kekurangan modal dan pembiayaan
 P4 masalah lokasi

Markah
[Maksimum 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum saya membuat keputusan untuk membeli sesuatu barang melalui kemudahan ini

- P1 Membuat perbandingan harga barang antara syarikat / peniaga atas talian agar dapat membeli barang dengan harga yang lebih rendah
 P2 Membeli daripada syarikat / individu yang telah terkenal agar dapat mengelakkan daripada tertipi
 P3 Mempunyai wang yang mencukupi untuk membuat pembayaran agar tidak mendatangkan masalah semasa proses pembayaran
 P4 Mempunyai capaian / kemudahan Internet bagi melakukan proses pembelian dan pembayaran atas talian
 P5 Memastikan barang yang ingin dibeli berkualiti dan sesuai dengan harga yang ditawarkan
 P6 Memastikan syarikat / penjual mempunyai perkhidmatan lepas jualan agar dapat memudahkan pengguna melaporkan sebarang masalah
 P7 Memastikan barang yang dibeli / syarikat menawarkan tempoh jaminan yang tertentu agar sebarang kerosakan terhadap barang dapat dibuat pertukaran

Markah
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1

[Maksimum 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

JAWAPAN PELAJAR YANG DISERTAKAN DENGAN HURAIAN – ISI CUKUP 2 ISI SAHAJA

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen(i) Maksud *melanggar hukum*

- tidak mengikut peraturan/undang-undang
- melanggar peraturan/undang-undang
- tidak mengikut hukum

Markah
2
1
1

[Maksimum 2 markah]

(ii) Cara-cara membantu rakan yang sakit di sekolah

- P1 memberitahu guru/guru kelas/guru bertugas
 P2 menelefon ibu bapa atau penjaga rakan
 P3 menghantar ke bilik sakit/rehat/kesihatan
 P4 memberi pertolongan/rawatan awal
 P5 membuat panggilan kecemasan/ambulans

Markah
3
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Watak perwatakan Azmir dalam petikan

- P1 **seorang yang berterus terang/berani** - Azmir berterus terang bahawa dia tidak menyukai Pak Haji / Azmir mengakui bahawa dia telah menukar namanya
 P2 **seorang yang berani menyatakan pendapat** – Azmir berani menyatakan pendapatnya kepada Pak Haji tentang sikap masyarakat luar yang tidak mempedulikan nasib dirinya dan orang-orang lain seperti dirinya

Markah
1+1
1+1

Watak perwatakan Azmir lain daripada keseluruhan cerpen

- K1 **seorang yang tabah** - Azmir tabah mengharungi kehidupan sebagai pesakit kanser
 K2 **seorang yang penyayang** - Azmir amat menyayangi Ani sepenuh hati
 K3 **seorang yang keras hati/degil/tegas** - Azmir tidak mahu mengikut nasihat ibunya
 K4 **seorang yang mampu bertutur lebih daripada satu bahasa/loghat** - Azmir boleh bertutur dalam bahasa Indonesia
 K5 **seorang yang setia** - Azmir setia terhadap Ani yang telah meninggalkannya setelah Ani beranggapan bahawa Azmir gila
 K6 **Seorang yang menghargai jasa orang lain** - Azmir menghargai petani, nelayan dan buruh yang telah menyumbang demi kesejahteraan hidup orang lain

Markah
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1
1+1

[Maksimum 4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

- (i) **Maksud rangkai kata *terlalu sukacita hatinya***

- sangat gembira perasaannya.

Markah
2

[Maksimum 2 markah]

- (ii) **Reaksi Patih Gajah Mada selepas mendengar kata-kata Kertala Sari**

- P1 terlalu gembira / sukacita
P2 kemudian diberikan jamuan makan dan minum
P3 bergembira / bersuka-sukaan
P4 diberinya persalinan

[Maksimum 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

- (iii) **Sebab Patih Gajah Mada ingin menyempurnakan pesanan tersebut**

- P1 Patih Gajah Mada seorang yang amanah.
P2 Patih Gajah Mada ingin membela nasib Kertala Sari yang kematian ayah
P3 Patih Gajah Mada yakin bahawa Kertala Sari seorang yang baik
P4 Patih Gajah Mada mahu Kertala Sari mendapat haknya

[Maksimum 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (d) – Sajak**(i) Generasi muda perlu memikul amanah untuk mempertahankan negara**

- P1 agar kecemerlangan negara terus dipacu di peringkat antarabangsa.
 P2 agar dapat memacu kejayaan negara demi maruah dan harga diri
 P3 agar dapat membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati

Markah
 1
 1
 1

[Maksimum 2 markah]

(ii) Usaha-usaha pelbagai pihak untuk mempertahankan kemerdekaan negara –***SATU PIHAK SATU ISI***

- P1 **kerajaan** mengadakan kempen kesedaran agar seluruh rakyat mempunyai semangat untuk mempertahankan kemerdekaan negara.
 P2 **ibu bapa** hendaklah mendidik anak-anak sejak kecil lagi agar mempunyai semangat untuk mempertahankan kemerdekaan negara.
 P3 **media massa** menyiarangkan rancangan yang mampu menaikkan semangat rakyat untuk mempertahankan kemerdekaan negara
 P4 **pihak sekolah** mengajarkan anak-anak / sukanan pelajaran tentang kepentingan mempertahankan kemerdekaan negara
 P5 **masyarakat** perlu bekerjasama dan bersatu padu bagi memastikan kemerdekaan negara dapat dipertahankan

[Maksimum 3 markah]
 [Isi cukup : 2 isi]

(iii) Persoalan selain tanggungjawab mempertahankan negara

- P1 persoalan menghargai jasa nenek moyang dalam membangunkan negara – penyajak mengajak kita menghargai jasa nenek moyang yang banyak berjasa dalam mewariskan tanhair yang aman.
 P2 persoalan keberanian untuk mempertahankan maruah negara – penyajak meminta kita agar terus berani dalam mempertahankan maruah negara.
 P3 persoalan perjuangan generasi dahulu dalam mendapatkan kemerdekaan - generasi dahulu berjuang mendapatkan kemerdekaan negara dengan keringat dan air mata.
 P4 persoalan kepentingan perpaduan dalam memastikan keamanan negara terpelihara - penyajak menyatakan bahawa rakyat yang bersatu padu telah terbukti dapat memelihara negara daripada ancaman luar.

Markah
 1+1
 1+1
 1+1
 1+1

[Maksimum 4 markah]

SOALAN 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a) : **6** markah
- Soalan 3 (b) : **6** markah
- Soalan 3 (c) : **6** markah
- Soalan 3 (d) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, beri 0 markah.

Jawapan 3 (a)

- (i) gemerlap - berkilat-kilat/berkilauan
- (ii) gemilang - cahaya terang benderang/cemerlang
- (iii) gemuruh - bunyi seperti guruh/berdebar-debar
- (iv) gelisah - tidak tenang/tidak tenteram
- (v) gelojoh - rakus/lahap
- (vi) gersang - kering dan tidak subur

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (b)

- (i) Semangat kejiranan amat penting.
Semangat kejiranan dapat memupuk perpaduan.
- (ii) Amar hidup dalam kemiskinan.
Amar sentiasa berpakaian kemas ke sekolah.
- (iii) Sewaktu hari perayaan, rumah terbuka boleh diadakan.
Sewaktu hari perayaan, semua kaum boleh mengunjungi jiran mereka.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c)

- | | | |
|---------------|---|--------------|
| (i) cancer | - | kanser |
| dikurangkan | - | mengurangkan |
| | | |
| (ii) urusetia | - | urus setia |
| melangsungkan | - | berlangsung |
| | | |
| (iii) mesjid | - | masjid |
| menghadkan | - | mengehadkan |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | |
|---------------------|---|--------------|
| (i) termaklum | - | termaktub |
| semua urusan-urusan | - | semua urusan |
| (ii) gaji | - | elaun |
| walaupun | - | kerana |
| (iii) bila | - | apabila |
| berdendang | - | berkumandang |

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (e) Peribahasa**

- (i) jinak-jinak merpati
 - Siti yang peramah itu gagal dipikat oleh ramai pemuda kerana dia umpsama **jinak-jinak merpati**.
- (ii) melepaskan anjing tersepit
 - Abang dimarahi oleh bapa kerana cuba membantu penjahat itu memandangkan perbuatan tersebut umpsama **melepaskan anjing tersepit**.
- (iii) hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah
 - Keuntungan perniagaan menjual nasi ayam dibahagi sama rata antara Amirul dengan rakannya, Zulhilmi bak kata pepatah **hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah**

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4
[15 Markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan **1** markah untuk pernyataan nilai kemasyarakatan yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan **1** markah untuk setiap huraian nilai kemasyarakatan yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum **4** markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum **3** markah.

| Maksimum : 7 markah |

4 (b)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan **1** markah untuk peristiwa menarik yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan **2** markah untuk sebab / alasan peristiwa itu dikatakan menarik yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum **6** markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum **2** markah.

| Maksimum : 8 markah |

4(a) Nilai kemasyarakatan**Novel Pantai Kasih****1. Nilai Tanggungjawab**

- Doktor Raiha berusaha untuk memastikan setiap operasi pembedahan yang dilakukannya akan memuaskan hati semua pihak yang terlibat.
- Doktor Raiha memeriksa Unong Siron setelah menjalani pembedahan bagi memastikan tahap kesihatan gadis itu memuaskan.

2. Nilai Keprihatinan

- Doktor Raiha prihatin terhadap nasib yang menimpa Unong Siron. Baginya pembedahan sebanyak enam kali tidak sepatutnya berlaku apatah lagi doktor yang melakukan pembedahan tersebut adalah doktor pakar yang bukan calang-calang.
- Datu Ontong meminta Doktor Uwang menghantar Pak Usunya, Doktor Sadiz dan Felicia Londosi kerana bimbang akan keselamatan mereka sebaik sahaja berakhirnya majlis sambutan tahun baharu di rumah Doktor Uwang.
- Doktor Raiha menumpangkan Filicia Landosi ketika Flicia masih belum memiliki kenderaan sendiri.

3. Nilai kasih sayang

- Doktor Raiha membesarluarkan Rahayu dengan penuh kasih sayang dan melaikkan diri bersama anaknya, Rahayu kerana tidak sanggup berpisah dengan anaknya itu yang akan dihantar ke Pusat Rawatan untuk kanak-kanak sindrom Down.
- Ibu Unong Siron menghantar anaknya ke PRPK supaya dia mendapat rawatan yang terbaik dan sentiasa berada di sisi Unong Siron sepanjang mendapat rawatan di situ.

4. Nilai kerjasama / tolong-menolong

- Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng bekerjasama melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan.
- Doktor Raiha, Ibu Unong Siron dan staf lain di PRPK bekerjasama menyelamatkan Felicia Landosi daripada terus ditawan oleh doktor palsu.

Novel Bimasakti Menari**1. Nilai Tanggungjawab**

- Budiman sentiasa menyokong usaha adiknya, Nurul Hafsa mengatas pencemaran cahaya di Kuala Selangor dan sentiasa menemanai Nurul Hafsa mencerap kehadiran kelip-kelip bersama-sama Muhammad Taufik di Kampung Kuantan.

2. Kasih-sayang / Penyayang

- Nurul Hafsa bimbang akan keselamatan Muhammad Taufik dan sentiasa mengikuti perkembangan kesihatannya. Muhammad Taufik sayang akan Nurul Hafsa dan ingin menyuntinnya sebagai isteri.

3. Nilai Hormat-menghormati

- Dato' Haji Mustofa al-Hanidi masih melayan Dato' Johann walaupun masih bertubi-tubi mendesaknya dengan pelbagai pertanyaan tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- Nurul Hafsa menghormati Muhammad Taufik ketika berkunjung ke rumah prototaip mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam dan kagum dengan usaha pemuda itu untuk melestarikan alam sekitar.

4. Nilai Kerjasama

- Muhammad Taufik, Nurul Hafsa dan Budiman bekerjasama untuk menyediakan laporan tentang Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor untuk dibentangkan di hadapan Menteri Besar. Mereka mengambil masa selama seminggu untuk mengemas kini dan memantapkan bahan pembentangan mereka.
- Seorang penduduk telah membuat aduan di Balai Polis Bestari Jaya tentang terdapatnya aktiviti bukan perladangan di ladang kelapa sawit yang terletak jauh di kawasan pedalaman Bestari Jaya. Maklumat itu membantu pihak polis menumpaskan penjenayah yang mencedera dan menculik Muhammad Taufik.

5. Nilai setia kawan

- Nurul Hafsa dan Budiman mengambil alih tugas Muhammad Taufik mencerap populasi kelip-kelip ketika Muhammad Taufik dirawat di hospital. Mereka juga mencari Muhammad Taufik di dalam semak setelah pemuda tersebut diserang oleh penjahat-penjahat yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid.

6. Nilai Keprihatinan

- Budiman dan Nurul Hafsa segera mendapatkan Muhammad Taufik sebaik-baik sahaja menerima panggilan daripada Muhammad Taufik selepas dia mengalami kemalangan.
- Budiman dan Nurul Hafsa segera mendapatkan Muhammad Taufik sebaik-baik sahaja menerima panggilan daripada Muhammad Taufik selepas dia mengalami kemalangan.
- Nurul Hafsa memberitahu ayahnya bahawa dia akan membina sebuah stor untuk ayahnya menyimpan peralatan berkebun agar tidak berlaku kecurian.

7. Nilai hormat-menghormati

- Muhammad Taufik tetap menghormati Nurul Hafsa sebagai tetamunya walaupun Nurul Hafsa kelihatan marah terhadapnya kerana mengepung sebahagian sungai di Kampung Kuantan.

8. Nilai Simpati

- Nurul Hafsa simpati akan Muhammad Taufik yang berikhtiar untuk menyatukan ibu dan bapanya semula dengan menjadi anak yang patuh.

(Terima mana-mana nilai kemasyarakatan lain yang sesuai)

[Lihat halaman sebelah

4(b) Peristiwa menarik dan sebab dikatakan menarik**Novel Pantai Kasih**

1. Peristiwa Doktor Raiha mempertikaikan sebab Unong Siron mengalami komplikasi selepas setiap kali pembedahan dilakukan terhadapnya sehingga Doktor Uwang yang melakukan pembedahan tersebut berasa tercabar.
 - Peristiwa ini dianggap menarik kerana seorang murid berani mempertikaikan kewibawaan mentornya. Pembaca ingin tahu punca Unong Siron mengalami komplikasi yang sama walaupun telah menjalani pembedahan di tempat yang sama sebanyak lima kali oleh Doktor Uwang, seorang pakar bedah terkenal.
2. Peristiwa Doktor Raiha mlarikan anaknya Rahayu sehari sebelum anak itu ingin dihantar ke pusat rawatan pemulihan untuk anak-anak sindrom down oleh suaminya.
 - Peristiwa ini dianggap menarik kerana memperlihatkan perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Doktor Raiha tetap ingin menjaga anaknya itu walaupun anak itu cacat kerana menghidap sindrom down.
3. Peristiwa Sister Felicia Landosi menemui Doktor Raiha untuk memberitahu punca sebenar kematian Ayu. Felicia memohon maaf kerana dia juga terlibat dalam tragedi kematian Ayu, anak tunggal Doktor Raiha.
 - Peristiwa ini dianggap menarik kerana Doktor Raiha akhirnya mengetahui punca sebenar kematian Ayu. Sister Felicia yang bersikap keras hati telah mengakui kesalahan diri dan sanggup berubah demi membina kehidupan baharu.

Novel Bimasakti Menari

1. Peristiwa Nurul Hafsa berjanji akan memulihkan kembali Kuala Selangor sebagai tempat pencerap bintang amatur dan professional walaupun Puan Wickham mengatakan janji tersebut amat sukar dikotakan.
 - Peristiwa ini menarik kerana memperlihatkan keazaman dan keyakinan seorang pekerja terhadap tugasnya. Pembaca ingin tahu cara Nurul Hafsa berusaha memulihkan kembali Kuala Selangor sebagai pusat pencerapan bintang amatur dan professional.
2. Peristiwa Muhammad Taufik bersetuju mengikut arahan penculik supaya pergi ke stesen PETRONAS pada pukul 8.30 pagi, hari Jumaat.
 - Peristiwa ini dianggap menarik kerana memperlihatkan sikap bertanggungjawab dan prihatin seorang rakan terhadap rakan yang dalam kesusahan. Sebagai seorang rakan, Muhammad Taufik rela berkorban nyawa demi menyelamatkan rakannya, Nurul Hafsa yang sedang dijadikan tebusan oleh penculik. Pembaca juga ingin tahu nasib yang akan menimpa Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa.
3. Peristiwa Muhammad Taufik melamar Nurul Hafsa sebaik sahaja berakhirnya majlis kesyukuran untuk meraikan pernikahan Tan Sri Muhammin dengan bekas isterinya, Puan Maryam Wickham di Masjid Jamik Sultan Ibrahim, Kuala Selangor.

- Peristiwa ini menarik kerana kedua-dua watak penting ini menyedari keistimewaan dan sikap saling memerlukan antara satu sama lain. Penyatuan mereka akan membuka berpeluang yang lebih luas dalam usaha melestarikan alam sekitar kerana mereka mempunyai minat yang sama.

(Terima mana-mana peristiwa menarik lain yang sesuai)

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT